

Dua kerakyatan punca sempadan dicabul – Najib

Um - 12/12/2006

KUALA LUMPUR 11 Dis. – Malaysia dan Thailand bersetuju bekerjasama mengenal pasti penduduk masing-masing yang mempunyai dua kerakyatan, iaitu gejala yang menjadi punca pencabulan kedaulatan di sempadan negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, langkah itu perlu diambil bagi memastikan tidak ada rakyat kedua-dua negara berkenaan memiliki dua kerakyatan.

Katanya, Jabatan Pendaftaran kedua-dua negara perlu membuat rujukan dan perbandingan dalam pangkalan data masing-masing bagi mengesan penduduk yang memiliki dua kewarganegaraan, terutama mereka yang tinggal di sempadan.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Mohd. Johari Baharom semalam yang menyatakan sistem keselamatan di sempadan Malaysia-Thailand longgar sehingga mendoorong berlaku pencabulan kedaulatan nega-

ra secara berterusan.

Katanya, kejadian itu amat memalukan kerajaan apabila rakyat negara jiran bebas keluar dan masuk serta melakukan apa sahaja tanpa sebarang kawalan oleh pihak berkuasa Malaysia.

“Jika dibandingkan penguat kuasaan pintu sempadan antara Malaysia, Thailand dan Singapura, kawalan di Malaysia yang paling longgar,” kata Mohd. Johari.

Najib yang juga Menteri Pertahanan berkata, masalah timbul di sempadan apabila penduduk yang memiliki dua kerakyatan bebas keluar dan masuk sama ada ke Thailand atau Malaysia tanpa sekatan.

“Masyarakat di sempadan (Malaysia dan Thailand) ini ada budaya yang berbeza iaitu mereka tidak mengenali sempadan. Mereka berurusan antara satu sama lain. Setiap hari mereka berulang-alik melalui sempadan kita dan Thailand.

“Salah satu usaha yang kita sedang lakukan adalah untuk menyelesaikan masalah

dua kerakyatan. Kita sudah bersetuju pada prinsipnya untuk bekerjasama mengenal pasti pangkalan data dalam Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan juga jabatan pendaftaran Thailand,” kata beliau.

Timbalan Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan Konvensyen dan Anugerah Belia Felda Malaysia (ABFM) 2006 di sini, hari ini.

Menurut Najib, masalah dua kewarganegaraan itu merupakan satu cabaran besar kepada Malaysia.

Beliau berkata, dengan membandingkan pangkalan data tentang kewarganegaraan yang diperolehi oleh kedua-dua jabatan itu ia membolehkan masalah pencerobohan di sempadan dikawal dan diatasi.

“Kita boleh kenal pasti mereka yang ada dua kewarganegaraan, daripada situ kita boleh memantau perkembangan di sempadan dengan cara yang lebih rapi sebab kita sudah tahu siapa individu berkenaan sama ada dari Malaysia atau Thailand,” katanya.

Ditanya bilakah kerjasama itu boleh di-

laksanakan, beliau berkata, ia terpolung kepada kedua-dua jabatan tersebut untuk melaksanakannya segera kerana pada asasnya kedua-dua negara telah mempunyai persefahaman untuk mengatasi masalah tersebut.

Najib berkata, aspek keselamatan di sempadan adalah terkawal kerana Malaysia menempatkan pasukan tentera dan polis bagi mengawal sempadan Malaysia.

Malah, beliau memberi jaminan bahawa ancaman pengganas di sempadan Malaysia berada dalam keadaan yang terkawal hasil rondaan yang dibuat secara lebih kerap dan juga maklumat risikan yang tepat.

“Misalnya, kalau ada dakwaan kita menjadi tempat untuk latihan kumpulan yang boleh mengancam keselamatan di selatan Thailand, saya boleh beri jaminan mereka (kumpulan pengganas) tiada kem di sebelah sempadan kita,” tegasnya.